



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Dokumen Penjajaran Kurikulum

SEJARAH

TINGKATAN 2

EDISI 2

KATA PENGANTAR



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penjajaran kurikulum selaras dengan pengumuman pembukaan semula sekolah berdasarkan Takwim Persekolahan 2020 yang dipinda. Pada ketika itu, Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah diajarkan bagi tujuan kegunaan pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Susulan penutupan semula sekolah sepenuhnya mulai 9 November 2020, sekolah telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) sehingga hari terakhir persekolahan bagi tahun 2020. Meskipun guru telah berusaha untuk melaksanakan PdPR, namun masih terdapat cabaran dari aspek pelaksanaannya yang akan memberi implikasi terhadap pembelajaran murid pada tahun 2021. Sehubungan dengan itu, KPM telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 bagi tahun 2021.

Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 merupakan usaha KPM bagi membantu guru untuk memastikan kelangsungan pembelajaran murid dilaksanakan. Kurikulum yang diajarkan ini bukanlah

kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM serta ditambah baik daripada dokumen penjajaran kurikulum sebelumnya. Kandungan kurikulum disusun berdasarkan kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala, kandungan tambahan dan pelengkap perlu diajar bagi menyokong keseluruhan pembelajaran sesuatu mata pelajaran yang boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran.

Harapan KPM agar guru dapat terus merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pada tahun 2021 dengan lebih berkesan. KPM juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan kurikulum yang diajarkan.

Dr. LATIP BIN MUHAMMAD

Timbalan Pengarah Kanan
(Kluster Dasar dan Sains & Teknologi)
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
5.	KERAJAAN ALAM MELAYU	5.1	Kerajaan Alam Melayu	5.1	Kerajaan Alam Melayu		
		5.1.1	Menjelaskan konsep Alam Melayu.	K5.1.5	Menghuraikan kepentingan kedudukan strategik yang menyumbang kepada kemajuan sesebuah kerajaan.		
		5.1.2	Menerangkan kewujudan kerajaan Alam Melayu.				
		5.1.3	Memerihai kerajaan-kerajaan Alam Melayu yang masyhur.	K5.1.6	Menerangkan kepentingan kebijaksanaan pemimpin untuk kemajuan negara.		
		5.1.4	Menghubungkait kerajaan Alam Melayu dengan kerajaan di luar Alam Melayu yang sezaman.	K5.1.7	Menghubungkait kepentingan menghargai kegemilangan kerajaan Alam Melayu dengan pembentukan jati diri.		
				K5.1.8	Merumuskan kebanggaan terhadap kelangsungan warisan kerajaan Alam Melayu.		
		5.2	Warisan Kerajaan Alam Melayu	5.2	Warisan Kerajaan Alam Melayu		
		5.2.1	Menerangkan sistem pemerintahan kerajaan Alam Melayu.	K5.2.6	Menilai kepentingan kebijaksanaan pemimpin dalam mentadbir negara.		
		5.2.2	Menghuraikan kegiatan ekonomi masyarakat kerajaan Alam Melayu.	K5.2.7	Menghuraikan kepentingan menghargai warisan kerajaan Alam Melayu.		
		5.2.3	Menjelaskan sosiobudaya masyarakat kerajaan Alam Melayu.	K5.2.8	Menerangkan iktibar yang diperolehi dari kegemilangan kerajaan Alam Melayu.		
5.2.4	Menerangkan agama dan kepercayaan masyarakat kerajaan Alam Melayu.						

Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
		5.2.5	Menghuraikan keunikan warisan kerajaan Alam Melayu.	K5.2.9	Merumuskan kepentingan kehidupan berorganisasi dalam membentuk kemakmuran negara.		
6.	KESULTANAN MELAYU MELAKA SEBAGAI ASAS KERAJAAN MASA KINI	6.1 6.1.1 6.1.2 6.1.3	Kesultanan Melayu Melaka Menceritakan pengasasan Kesultanan Melayu Melaka. Menghuraikan kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. Menerangkan berakhirnya pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka yang berpusat di Melaka.	6.1 K6.1.4 K6.1.5 K6.1.6 K6.1.7	Kesultanan Melayu Melaka Menilai kepentingan sifat kepemimpinan dalam pembinaan negara. Menghuraikan kepentingan menghargai alam sekitar untuk kesejahteraan kehidupan. Menjelaskan perpaduan sebagai asas keharmonian masyarakat. Merumuskan iktibar yang diperolehi daripada sejarah Kesultanan Melayu Melaka.		
		6.2 6.2.1 6.2.2	Kesultanan Johor Riau dan Kerajaan-Kerajaan Melayu Memerihai pengasasan Kesultanan Johor Riau. Menghuraikan kegemilangan Kesultanan Johor Riau.	6.2 K6.2.5 K6.2.6	Kesultanan Johor Riau dan Kerajaan-Kerajaan Melayu Menilai kepentingan kelangsungan warisan pentadbiran negara. Menjelaskan tanggungjawab pemimpin dan rakyat dalam sebuah negara.		

Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
		6.2.3	Menerangkan kelangsungan Kesultanan Melayu Melaka di Pahang, Perak, Selangor dan Terengganu.	K6.2.7	Menghuraikan kepentingan sumbangan warisan Kesultanan Melayu.		
		6.2.4	Menghuraikan warisan Kesultanan Melayu Melaka terhadap Pahang, Perak, Selangor dan Terengganu hingga kini.	K6.2.8	Merumuskan iktibar yang diperoleh daripada sejarah Kesultanan Melayu.		
		6.3	Kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis	6.3	Kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis		
		6.3.1	Memerihalkan pengasasan kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis.	K6.3.5	Menerangkan kepentingan menghargai pengasasan kerajaan-kerajaan Melayu.		
		6.3.2	Menerangkan hubungan kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis dengan negeri-negeri Melayu yang lain.	K6.3.6	Menghuraikan kepentingan menghargai warisan negeri Melayu.		
		6.3.3	Menjelaskan warisan kerajaan Kedah, Kelantan dan Perlis hingga kini.	K6.3.7	Merumuskan iktibar yang diperoleh daripada kelangsungan negeri Melayu.		
		6.3.4	Menghuraikan keunikan adat dan pemerintahan Negeri Sembilan.	K6.3.8	Menilai kepentingan menjaga hubungan baik dengan negara lain.		

Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas			Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap
		6.4	Sarawak dan Sabah	6.4	Sarawak dan Sabah		
		6.4.1	Menjelaskan sejarah Sarawak dan Sabah sebagai sebahagian daripada kerajaan Alam Melayu.	K6.4.5	Merumuskan kepentingan memanfaatkan alam sekitar secara bijaksana.		
		6.4.2	Menerangkan pemerintahan tempatan di Sarawak dan Sabah.	K6.4.6	Menghuraikan kepentingan permuafakatan dalam kalangan masyarakat.		
		6.4.3	Menghuraikan kegiatan masyarakat Sarawak dan Sabah.	K6.4.7	Menerangkan kepentingan sikap bijaksana untuk meneruskan kelangsungan hidup.		
		6.4.4	Menghuraikan keunikan yang terdapat di Sarawak dan Sabah.	K6.4.8	Menilai kepentingan semangat kekitaan dalam sebuah negara.		
Kajian Kes (4 Jam) Berdasarkan SK dan SP yang dipilih							
Cadangan untuk pelaksanaan kurikulum dengan masa minimum 64 jam: - Guru disarankan untuk memberikan penerangan ringkas berkaitan <i>overview/ big picture</i> keseluruhan kandungan kurikulum Sejarah Tingkatan 1 sebagai <i>brainstorming session</i> kemudian diikuti dengan penerangan ringkas berkaitan <i>overview/ big picture</i> keseluruhan kandungan kurikulum Sejarah Tingkatan 2 bagi membantu murid menguasai kronologi peristiwa sejarah negara yang akan dipelajari pada tahun semasa. <i>Power point</i> berkaitan <i>overview/ big picture</i> boleh dimuat turun dari laman sesawang BPK mulai Januari 2021. - SK 5.1 dan SK 5.2 perlu diajar mengikut kronologi supaya murid mendapat gambaran keseluruhan bagi tajuk yang dipelajari serta kesinambungan peristiwa difahami dengan jelas oleh murid. Cadangan peruntukan waktu 3-4 minggu (6-8 jam) bagi setiap SK.							

Tajuk	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
3. SK 6.1, SK 6.2 dan SK 6.3 boleh diajarkan sekali secara banding beza dan sebagai contoh penerangan berkaitan warisan Kesultanan Melayu Melaka supaya murid mendapat gambaran keseluruhan bagi tajuk yang dipelajari serta mempelbagaikan kaedah pelaksanaan PdP (Pembelajaran Teradun: Pendekatan Modular, Pembelajaran Akses Kendiri, TMK dan lain-lain). 4. SK dan SP di atas juga boleh dipilih untuk dijadikan tajuk Kajian Kes (<i>Project Based Learning</i>) untuk mengaplikasikan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) serta Elemen Kewarganegaraan dan Nilai Sivik (SP yang ditandai dengan K). 5. Guru dicadangkan untuk melaksanakan Kajian Kes serentak dengan SK/ SP yang diajar untuk mempelbagaikan kaedah pelaksanaan PdP dan memendekkan masa pelaksanaan PdP bagi SK/SP yang sedang diajar. *Guru boleh menambah baik pelaksanaan kurikulum KSSM Sejarah Tingkatan 2 yang dicadangkan mengikut aras kebolehan dan tahap keupayaan murid berdasarkan keadaan/ situasi/ isu yang dihadapi di peringkat sekolah.			

Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917